

**D.R.** 10/99

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-Undang 1968.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penyemakan Undang-Undang (Pindaan) 1999.

(2) Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1998.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Penyemakan Undang-Undang 1968[Akta 1], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif "enakmen" takrif yang berikut:

' "cetakan semula" ertinya edisi cetakan semula mana-mana undang-undang, atau mana-mana jilid undang-undang sedemikian, yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3;'

(b) dalam takrif "undang-undang"—

(i) dengan memotong perkataan "atau mana-mana perundangan kecil"; dan

- (ii) dengan menggantikan noktah dengan koma bertitik; dan
- (c) dengan memasukkan selepas takrif "undang-undang" takrif yang berikut:
  - ' "undang-undang yang disemak" ertinya edisi semakan mana-mana undang-undang yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3.'

### **Pindaan seksyen 3**

#### 3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan ", melalui pemberitahuan dalam *Warta*,"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "bagi maksud menyemak undang-undang dari semasa ke semasa" dengan perkataan "dan Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang untuk menyediakan dan menerbitkan undang-undang yang disemak dan cetakan semula".

### **Pindaan seksyen 6**

#### 4. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subperenggan (i)(a) subperenggan yang berikut:
  - "(aa) mana-mana peruntukan, atau bahagian sesuatu peruntukan, dalam mana-mana undang-undang yang tidak lagi berkuat kuasa;"
- (b) dalam perenggan (vii), dengan menggantikan perkataan "dan hasyiah-hasyiah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan ", susunan-susunan kronologi, rujukan-rujukan dan nota-nota"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (xx) perenggan yang berikut:
  - "(xxa) mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks bahasa kebangsaan mana-mana undang-undang supaya selaras dengan istilah dan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka;

(xxb) memotong apa-apa perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan lain dalam mana-mana undang-undang yang tidak lagi digunakan atau tidak lagi berkuat kuasa, termasuk rujukan kepada undang-undang yang dimansuhkan, dan untuk menggantikannya jika perlu, dengan perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan yang sesuai atau rujukan kepada undang-undang yang sesuai;".

### **Pindaan seksyen 14**

5. Subseksyen 14(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dan (xx)" dengan perkataan ", (xx), (xxa) dan (xxb)".

### **Seksyen baru 14A, 14B dan 14c**

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14 seksyen yang berikut:

“Penerbitan jilid demi jilid.  
14A. (1) Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya suaimanfaat, membenarkan cetakan semula disediakan dan diterbitkan jilid demi jilid, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suaimanfaat.

(2) Mana-mana jilid sesuatu cetakan semula boleh mengandungi apa-apa susunan, lampiran dan perkara tambahan yang lain, termasuk indeks, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya.

Pengemas-kinian cetakan semula.  
14B. Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya suaimanfaat, membenarkan penyediaan dan penerbitan laporan kemas kini yang mengandungi pindaan terkini kepada sesuatu cetakan semula, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suaimanfaat.

Pewakilan kuasa.  
14c. Pesuruhjaya boleh mewakili mana-mana kuasanya di bawah seksyen 14(2), 14A dan 14B kepada Timbalan Pesuruhjaya.".

## *Rang Undang-Undang*

### **Pindaan am**

7. Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan tnggantikan perkataan "perundangan kecil" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "perundangan subsidiari".

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 ("Akta 1").

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 1 —
  - (a) dengan meminda takrif "undang-undang" untuk membolehkan penyemakan perundangan subsidiari dibuat; dan
  - (b) untuk memasukkan takrif "cetakan semula" dan "undang-undang yang disemak".
3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 1 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan seorang Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang untuk membantu Pesuruhjaya menjalankan tugas-tugasnya.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 1 untuk memberikan kuasa yang lebih luas kepada Pesuruhjaya dalam menyediakan undang-undang yang disemak. termasuk kuasa untuk mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks bahasa kebangsaan sesuatu undang-undang.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 1 untuk memberi Pesuruhjaya kuasa tambahan dalam menyediakan cetakan semula.
6. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan 3 seksyen baru ke dalam Akta 1, iaitu seksyen HA, 14B dan 14c.

Seksyen 14A yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penerbitan cetakan semula jilid demi jilid, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkan suaimanfaat oleh Pesuruhjaya. Peruntukan ini memberi Pesuruhjaya kelonggaran dalam mencetak semula undang-undang tertentu, terutamanya undang-undang yang sering digunakan oleh orang awam.

Seksyen 14B yang dicadangkan membolehkan Pesuruhjaya membenarkan penyediaan dan penerbitan laporan kemas kini yang mengandungi pindaan terkini kepada sesuatu cetakan semula mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suaimanfaat. Ini akan membolehkan undang-undang yang dicetak semula untuk mengandungi pindaan yang dibuat kepadanya selepas dicetak semula.

## *Penyemakan Undang-Undang (Pindaan)*

Seksyen 14c yang dicadangkan membolehkan Pesuruhjaya mewakilkan mana-mana kuasanya di bawah seksyen 14(2), 14A dan 14B Akta 1 kepada Timbalan Pesuruhjaya.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2105]